



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892181
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

SULIT

Ruj. Kami : JPA.BPPD(S) 296/1 Jld 10 (21)
Tarikh : 2 Disember 2020

YBhg. Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia

Lorong Produktiviti, Jalan Sultan

46200 PETALING JAYA

YBhg. Dato',

PELAKSANAAN KAJIAN PENGUKURAN PRODUKTIVITI SEKTORAL DALAM PERKHIDMATAN AWAM 2019-2020 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat YBhg. Dato', MPC(PCB) 600=1/6/9 bertarikh 18 Ogos 2020 adalah berkaitan.

2. Pertamanya, Jabatan ini merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas kerjasama pihak YBhg. Dato' dalam menjayakan pelaksanaan Kajian Pengukuran Produktiviti Sektoral Dalam Perkhidmatan Awam 2019-2020 untuk Jabatan ini. Walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah dan kekangan, komitmen tinggi pasukan kajian telah memastikan kajian ini dilaksanakan dengan jayanya.
3. Selanjutnya, saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato', mengenai beberapa serahan yang tidak dapat disempurnakan oleh pihak YBhg. Dato' di bawah Klausa 5.3 (a)(b) seperti mana yang ditetapkan dalam dokumen kontrak JPA/BKP/KONT/29/2019. Untuk makluman YBhg. Dato', perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kajian Pengukuran Produktiviti Sektoral Dalam Perkhidmatan Awam 2019-2020 Bilangan 3 tahun 2020 pada **12 Oktober 2020**.
4. Setelah diteliti, mesyuarat tersebut telah memutuskan agar *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) dengan mengambil kira tempoh pelanjutan (Extension Of Time) adalah wajar dikenakan kepada pihak YBhg. Dato' pada jumlah **RM 21,906.30**. LAD ini adalah bagi kelewatan serahan Kamus Produktiviti selama **28 hari** pada kadar **RM 7,863.80** dan kelewatan serahan Sistem Data Produktiviti Perkhidmatan Awam selama **50 hari** pada kadar **RM 14, 042.50**. Kadar LAD adalah **RM 280.85 sehari**. Perincian pengiraan tempoh pelanjutan (Extension of Time) dan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) adalah seperti di **Lampiran A**.

SULIT


5. Bagi memastikan kejayaan kajian ini, Kerajaan dengan ini memelihara dan mengekalkan segala hak yang diperuntukkan dalam Perjanjian Perunding Kajian Pengukuran Produktiviti Sektorial Dalam Perkhidmatan Awam 2019-2020 dan semua hak yang ada di sisi undang-undang serta berhak untuk menguatkuasakan hak tersebut.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(DR ANESEEE BIN IBRAHIM)

b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia

SULIT

Perincian pengiraan pelanjutan tempoh (Extension of Time) dan *Liquidated Ascertained Damages* (LAD)

Perkara	Tarikh Serahan Asal	Tarikh Serahan Sebenar	Tempoh PKP	Tempoh EOT yang diluluskan	Jumlah hari lewat
Kamus Produktiviti	31 Mac 2020	3 Julai 2020	18 Mac sehingga 3 Mei 2020 (47 hari)	22 Mei – 5 Jun 2020	6 Jun – 3 Julai 2020 (28 hari)
Sistem Data Produktiviti Perkhidmatan Awam	31 Ogos 2020	20 Oktober 2020		Tiada	1 September – 20 Oktober 2020 (50 hari)
Jumlah Hari					78 hari

Dengan mengambil kira kadar *Base Lending Rate* (BLR) mengikut tahun Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani, jumlah LAD adalah dikira seperti formula berikut:

$$\text{LAD} = \frac{6.7}{100} \times \frac{\text{RM1,530,000.00}}{365}$$

$$\text{LAD} = \text{RM280.85 sehari}$$

Jumlah LAD dikenakan: Bilangan hari x RM280.85

$$= 78 \times \text{RM280.85}$$

$$= \text{RM21,096.30}$$

Kerajaan akan mengenakan LAD yang berjumlah **RM21,906.30** melalui pemotongan bayaran yuran perunding pada pembayaran kedua seperti pecahan berikut:

Jenis Serahan	Jumlah Peruntukan Pembayaran (a)	Jumlah pemotongan LAD (b)	Jumlah Peruntukan yang akan dibayar (c) a-b=c
Indeks Produktiviti Sektor Kesihatan, Keselamatan dan Penjagaan Sosial	RM112,000.00	TIADA	RM112,000.00
Kamus Produktiviti	RM101,750.00	RM7,863.80	RM93,886.20
Sistem Data Produktiviti Perkhidmatan Awam	RM96,250.00	RM14,042.50	RM82,207.50
Jumlah Pembayaran Kedua			RM288,093.70



KETUA PENGARAH
DIRECTOR GENERAL
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION)
Petai Suraf 64, Jalan Sultan, 46904 Petaling Jaya, Selangor D.E., Malaysia.
Tel: 603-7955 7266 (G.L.), 603-79552487 (D.L.)
Fax: 603-79581497
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor D.E., Malaysia.
<http://www.mpc.gov.my>

(Badan Berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri – MITI)



MPC(PCD) 600-1/6/9

18 Ogos 2020

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
Blok C1-C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
(U.P.: YBrs Dr. Anesee bin Ibrahim
Pengarah, Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar)

YBrs. Dr. Anesee,

**PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH JADUAL PERANCANGAN KERJA
BAGI PELAKSANAAN PROJEK KAJIAN PENGUKURAN PRODUKTIVITI
PERKHIDMATAN AWAM 2019-2020**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBrs. Dr. Kajian Pengukuran Produktiviti Perkhidmatan Awam (PPPA) berada pada fasa akhir perlaksanaan berdasarkan kepada kontrak kajian bermula pada 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada status jadual kerja fasa 2 (2020) pihak MPC mengalami kelewatan untuk menghantar laporan kajian ini. Kelewatan ini disebabkan oleh kekangan proses pengumpulan data dan maklumat berkualiti melalui JPA dari jabatan yang terlibat dalam kajian kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020. Kronologi proses pengumpulan data dan status semasa kajian adalah seperti di Lampiran 1.
3. Sehubungan itu, pihak kami memohon perlanjutan tempoh jadual kerja bagi Laporan Aktiviti Kajian 2020 yang meliputi Laporan Kamus bagi Fungsi Penjagaan Sosial, Kesihatan, Keselamatan dan lain-lain fungsi sehingga 31 Julai 2020 (Sebenar: 31 Mac 2020), Laporan Indeks Prestasi Produktiviti bagi Fungsi Penjagaan Sosial, Kesihatan dan Keselamatan sehingga 31 Ogos 2020 (Sebenar: 31 Mac 2020) dan pembangunan Sistem Data Produktiviti Perkhidmatan Awam (SDPPA) sehingga 31 Oktober 2020 (Sebenar: 31 Ogos 2020). Perincian jadual kerja baharu seperti di Lampiran 2 sebagaimana yang telah dipersetujui semasa mesyuarat bersama sekretariat JPA pada 26 Mac 2020.
4. Secara keseluruhannya, kajian ini masih dapat dilaksanakan dalam tempoh yang telah dirancang pada tahun 2020 sebagaimana termaktub di dalam kontrak kajian dan tidak melibatkan tambahan tempoh masa dan kos kajian.

TRANSFORMATION • INNOVATION • PARTNERSHIP


(Silu rujuk bilangan surat ini apabila menjawab)

5. Segala kerjasama, perhatian dan sokongan pihak YBrs. Dr dalam menjayakan kajian ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

s.k:

1. Encik Ab. Rahim Yusoff
Timbalan Ketua Pengarah (OED)
Perbadanan Produktiviti Malaysia
2. Encik Zahid Ismail
Timbalan Ketua Pengarah (PCD)
Perbadanan Produktiviti Malaysia

STATUS PELAKSANAAN KAJIAN PPPA 2020

LAMPIRAN 1

KRONOLOGI PROSES PENGUMPULAN DATA

Bil	Aktiviti Bulanan	Penerangan	Nota
1	Jun-September 2019	- Templat data pertama telah diedarkan kepada semua institusi selepas pelaksanaan bengkel siri pertama dan penerimaan maklumat rangka kerja daripada institusi. - Beberapa sesi taklimat dan bengkel berasingan bersama institusi juga telah diadakan.	TARIKH ASAL PENYERAHAN LAPORAN MAC 2020 TARIKH BAHARU JUN 2020
2	Oktober 2019	- Templat kali ke-2 Data Pengukuran Produktiviti Perkhidmatan Awam - Hanya 30% data diterima daripada pihak institusi - Tidak semua institusi memberi maklum balas dan mengisi data yang diperlukan. - Kebanyakan institusi tidak dapat melengkapkan templat data tersebut dengan lengkap	Dokumen Kontrak: APPENDIX 4 • Perkara No.11- Draf Laporan Akhir Julai 2020 • Perkara No.13- Laporan Akhir Kajian September 2020
3	Disember 2019	- Bagi melancarkan lagi proses pengumpulan data, pihak MPC telah bekerjasama dengan JPA untuk menghantar templat data kajian bagi kali ke-3 untuk dilingkapkan oleh institusi yang terlibat dalam pengukuran Indeks - Walau bagaimanapun peratusan kelengkapan data hanya 60% sahaja sehingga hujung Januari 2020 - Antara punca kekangan tersebut adalah disebabkan oleh pertukaran pegawai yang menyebabkan data tidak dapat di kumpul dan dilingkapkan. Pihak MPC turut perlu membuat taklimat sekali lagi bagi membolehkan pemahaman tentang objektif kajian dan proses pengumpulan data dijalankan semula.	

Bil	Aktiviti Bulanan	Penerangan	Nota
4	Februari 2020	- Bagi melancarkan proses pengumpulan data kajian pihak MPC telah menganjurkan Bengkel Pemurnian data pada 26-28 Februari 2020 - Tempoh akhir penyerahan data selepas bengkel diadakan adalah pada 15 Mac 2020 iaitu 2 minggu selepas sesi pemurnian data dijalankan.	
5	Mac 2020	- Pada tarikh akhir penghantaran data tersebut hanya 70% data dapat di kumpul dan lengkap. - Antara institusi yang memohon lanjutan tempoh penyerahan data adalah: • Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia • Polis Diraja Malaysia • Agensi Anti Dadah Kebangsaan • Jabatan Imigresen Malaysia • Kementerian Kesihatan Malaysia • IIUM Medical Centre, Kuantan • Hospital Canselor Tuanku Mukhriz PPUKM • Hospital Universiti Sains Malaysia • Pusat Perubatan Universiti Malaya • Hospital Pengajar UITM • Jabatan Kebajikan Masyarakat - Pelanjutan tempoh oleh agensi yang dinyatakan di atas adalah disebabkan oleh pertukaran kakitangan agensi yang bertanggungjawab ke atas data yang diperlukan ke bahagian lain, justeru kakitangan baru yang mengendalikan perlukan masa untuk memahami templat data yang diperlukan dari bahagian yang terlibat di bawah agensi tersebut.	

Bil	Aktiviti Bulanan	Penerangan	Nota
		- Proses kutipan data turut tertangguh disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan oleh kerajaan bermula pada 18 Mac 2020. - Disebabkan itu, pihak kementerian, jabatan, dan agensi yang bertanggungjawab tidak dapat membekalkan data pada masa yang ditetapkan dan memerlukan tambahan masa sehingga tempoh PKP ditamatkan.	
6	April- Mei 2020	- Beberapa sesi susulan melalui telefon telah pihak MPC laksanakan sepanjang tempoh PKP dijalankan bagi memastikan data dapat diperolehi adalah lengkap. - Walaubagaimanapun, sehingga ke hari ini, proses kutipan data masih belum lengkap - Proses kutipan data yang masih belum lengkap daripada institusi telah menyebabkan proses analisis dan pelaksanaan kajian tertangguh berbanding yang dijadualkan.	

KEMAJUAN AKTIVITI KAJIAN (sehingga 31/7/2020)

Bil.	Aktiviti	Status akhir 2019	Status 31/7/2020	Maklumat
1 PENGUKURAN INDEKS				
1A	Indeks Fungsi Kesihatan	60%	95%	• Data yang telah diterima masih tidak lengkap dan dalam proses susulan
1B	Indeks Fungsi Keselamatan	60%	95%	
1C	Indeks Fungsi Perlindungan Sosial	60%	95%	
2 PEMBANGUNAN KAMUS				
2A	Kamus Fungsi Kesihatan	60%	100%	• Menerima maklum balas JPA pada 12 Ogos 2020
2B	Kamus Fungsi Keselamatan	60%	100%	
2C	Kamus Fungsi Perlindungan Sosial	60%	100%	
2D	Kamus Fungsi-Fungsi lain	60%	100%	
3 PEMBANGUNAN SISTEM DATA PRODUKTIVITI PERKHIDMATAN AWAM (SDPPA)				
3A	Pembangunan SDPPA	40%	• 75%	• Pengujian teknikal akhir oleh MPC sebelum ujian penerimaan pengguna

JADUAL KESELURUHAN PELAKSANAAN KAJIAN 2019-2020 (DIKEMASKINI PADA JULAI 2020)

JADUAL PELAKSANAAN KAJIAN PENGUKURAN PRODUKTIVITI PERKHIDMATAN AWAM (PPPA), 2019-2020												
TAHUN	JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AGO	SEP	OCT	NOV	DES
BULAN												
MISATIF 1: PEMANTAPAN METODOLOGI PENGUKURAN PRODUKTIVITI												
1.1 MISATIF 1.1	2-Jan-19	30-Sep-19										
1.2 MISATIF 1.2	2-Jan-19	20-Sep-19										
MISATIF 2: LAPORAN PRESTASI INDEKS PRODUKTIVITI PERKHIDMATAN AWAM												
2.1 MISATIF 2.1	2-Jan-19	31-Oct-20										
2.2 MISATIF 2.2	2-Jan-19	29-Nov-19										
2.3 MISATIF 2.3	1-Mar-20	31-Aug-20										
2.4 MISATIF 2.4	1-Mar-20	31-Aug-20										
2.5 MISATIF 2.5	1-Mar-20	31-Aug-20										
MISATIF 3: PEMBANGUNAN KAMUS PRODUKTIVITI												
3.1 MISATIF 3.1	2-Jan-19	31-Oct-20										
3.2 MISATIF 3.2	2-Jan-19	29-Nov-19										
3.3 MISATIF 3.3	1-Mar-20	31-Aug-20										
3.4 MISATIF 3.4	1-Mar-20	31-Aug-20										
3.5 MISATIF 3.5	1-Mar-20	31-Aug-20										
3.6 MISATIF 3.6	1-Mar-20	31-Aug-20										
MISATIF 4: PEMBANGUNAN SISTEM DATA PRODUKTIVITI												
4.1 MISATIF 4.1	1-Aug-19	31-Oct-20										

Laporan Keseluruhan PPPA 2019-2020

Laporan Keseluruhan PPPA 2019-2020

Laporan Keseluruhan PPPA 2019-2020